

<http://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1645894>

## **Akreditasi MBOT bantu graduan TVET sambung pengajian ke universti**

Tarikh kemaskini: 24/09/2018

Tan Sri Dr Ahmad Zaidee LaidinPUTRAJAYA, 24 Sept (Bernama) – Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yakin proses akreditasi yang dilaksana mampu merapatkan jurang pengiktirafan program kemahiran dan pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk membolehkan graduannya melanjutkan pelajaran ke universiti tanpa halangan.

Presiden MBOT Tan Sri Dr Ts. Ahmad Zaidee Laidin berkata melalui proses dan manual akreditasi MBOT yang fleksibel, program-program Sijil Kemahiran (Tahap 3), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DLKM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DKM) dalam 23 bidang teknologis MBOT akan diakreditasikan oleh MBOT mengikut keperluan industri.

"Namun akreditasi ini dibuat tanpa mengabaikan syarat asas bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi," katanya kepada media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman MBOT dan Panel Pakar Teknologi di sini hari ini.

Turut hadir majlis tersebut, Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Mahfuz Omar dan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Isnaraissah Munirah Majilis.

Katanya program-program yang dinaikkan kepada program profesional dan secara tidak langsung bakal mempunyai standard yang sama dengan program profesional peringkat Ijazah Pertama di rangkaian universiti-universti Teknikal Malaysia iaitu Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

MBOT yang ditubuhkan pada 2016 bertujuan untuk menggalak institusi pengajian tinggi dan institusi berasaskan TVET menawarkan program-program teknologi selaras dengan keperluan industri.

"Penawaran program-program teknologi ini disasarkan untuk menambah bilangan teknologis dan juruteknik yang sangat diperlukan dalam mencapai hasrat kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar dan berasaskan perkhidmatan," katanya.

Katanya sehingga Ogos 2018, MBOT telah menerima dan meluluskan 8,938 permohonan dalam kategori teknologis dan 1,167 permohonan dalam kategori juruteknik.

Dalam pada itu, Mahfuz berkata kerajaan kini sedang berusaha memperluaskan bilangan universiti awam terlibat dalam pengiktirafan akreditasi MBOT bagi membuka lebih banyak ruang lepasan pelajar TVET dan kemahiran melanjutkan pelajaran.

"Bagi institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pula, buat masa ini hanya satu yang terlibat iaitu Universiti Kuala Lumpur (UniKL), namun kita berharap lebih banyak pihak tampil memberikan kerjasama berhubung usaha murni ini.

"Kerajaan bukan hanya mahu lepasan diploma ini dapat menyambung pengajian, tetapi ingin akreditasi pendidikan mereka diiktiraf di peringkat antarabangsa dan sekali gus mampu meraih peluang pekerjaan dengan pendapatan lumayan," katanya.....